

02 SEP 2003

Tajol-TNB

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK BOLEH JEJASKAN KEYAKINAN PELABUR

TANJONG MALIM, 2 Sept (Bernama) -- Kegagalan Tenaga Nasional Berhad (TNB) memastikan bekalan tenaga elektrik yang lancar boleh memberi kesan buruk kepada ekonomi negara berikutan terjejasnya keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata jika gangguan bekalan elektrik itu berlaku di kawasan yang kecil, ia tidak mendatangkan kesan yang teruk tetapi gangguan bekalan elektrik di lima negeri seperti semalam perlu dielakkan.

"Kejadian tersebut boleh menjejaskan keyakinan rakyat Malaysia terhadap TNB dan para pelabur tidak berminat datang ke Malaysia. Jika terlalu banyak berlaku perkara seperti ini, ia akhirnya akan menjejaskan TNB sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan hak milik tanah kepada peserta Rancangan Pertanian Berkelompok Rasau-Naran, Slim River di Bandar Behrang 2020, di sini hari ini.

Semalam, bekalan elektrik di Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Kelantan terputus beberapa jam mulai pukul 9.58 pagi dan menyebabkan pelbagai urusan termasuk sektor perniagaan terganggu.

Kejadian itu berlaku berikutan talian penghantaran elektrik di antara Bukit Beruntung, Selangor dan Batu Gajah, Perak terpelantik ketika TNB menjalankan kerja penyelenggaraan.

Beliau berkata selepas kejadian gangguan elektrik di seluruh negara pada tahun 1996, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluluskan lesen Pengeluar Kuasa Bebas (IPP) kepada pelabur-pelabur untuk membina janakuasa mereka sendiri.

"Ini sebenarnya telah menjejaskan imej TNB. Kerja yang sepatutnya dilakukan TNB telah diambil alih pihak lain. Ini tidak sepatutnya berlaku jika TNB dapat menjalankan kerja mereka dengan baik," katanya.

Tajol Rosli berkata TNB sepatutnya memandang serius kepada perkara-perkara seperti itu dan perlu memberikan lebih perhatian kepada masalah gangguan elektrik.

"Jika terlalu banyak IPP diluluskan, kesannya kepada TNB amat buruk. Sebenarnya, jika dilihat negara kita sering berlaku gangguan bekalan elektrik tetapi cuma ia berlaku dalam satu kawasan kecil. Bagi saya perkara seperti ini juga perlu diberikan perhatian," katanya.

-- BERNAMA

KAY RHM